

# **BAB II**

## BAB II

# PENDIDIKAN ISLAM

Bab ini membincarakan secara khusus mengenai Pendidikan Islam. Kajian berhubung dengan Pendidikan Islam membabitkan enam persoalan, iaitu erti Pendidikan Islam, dasar Pendidikan Islam, tujuan Pendidikan Islam, isi Pendidikan Islam, pusat pendidikan Islam, sejarah dan pusat Pendidikan Islam di Kelantan.

Pendidikan Islam merupakan suatu perkara yang amat penting dalam kehidupan manusia. Pendidikan dan ilmu pengetahuanlah yang membezakan manusia dari makhluk-makhluk lain serta meletakkan ketinggian taraf manusia atas makhluk-makhluk lain.

### A. erti Pendidikan Islam

Sebelum dijelaskan tentang erti Pendidikan Islam, terlebih dahulu penulis ingin menjelaskan erti pendidikan. Sebagaimana telah disebut dalam bab I, kata pendidikan berasal dari kata dasar “didik” ertinya pelihara, jaga dengan hati-hati dan ajar. Kata “didik” mendapat awalan “pen” menjadi “pendidik” ertinya orang yang mendidik. Kata “pendidik” mendapat akhiran “an” menjadi “pendidikan”, ertinya perihal mendidik.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Noresh, *op. cit.* hal. 303

Menurut Haji Zainal Abidin Safarwan, didik bererti bimbing, tuntun, ajar, pelihara dan jaga dengan hati-hati. Pendidik bererti guru, pengasuh, wali, pemimpin, pengelola, pelatih, penyelenggara, pengajar, pamong dan pemelihara. Pendidikan pula bererti pengasuh, tarbiah dan pemeliharaan.<sup>2</sup>

Perkataan pendidikan atau bahasa Inggerisnya “education” berasal daripada bahasa Latin *le, ex* (out) yang bererti keluar dan “*edeceru*” “*duc*” bererti mengatur, mengarah (to lead) secara harfiah iaitu menyalurkan kemampuan (bakat).<sup>3</sup>

Pendidikan dalam bahasa Arab disebut “tarbiah”, yang asalnya membawa makna; pertambahan, perkembangan dan ketinggian. Perkataan “tarbiah” berasal dari kata kerja “*rabba*” رَبْ yang antara maknanya ialah; memperbaiki, memimpin dan mentadbir. Menurut ahli bahasa, “tarbiah” bererti; membangun sesuatu secara tahap demi tahap menuju kepada kesempurnaan. Salah satu dari nama Allah ialah “*al-Rabb*” الرب ; kerana yang mengawal, mengislah, mentadbir dan mengarahkan makhluk kepada kesempurnaan ialah Allah. Semuanya ini merupakan inti dari pendidikan. Oleh sebab itu “*Rabb al-‘alāmin*” رب العالمين ditafsirkan sebagai “Murabb al-‘alāmin” مربى العالمين (Pendidik Seluruh Alam), dan Allah s.w.t ialah “Pendidik yang Teragung” المربي الأعظم, jadi perkataan “tarbiah” mengandungi dua unsur terpenting ; iaitu pertambahan dan pemberian hingga ke tahap kesempurnaan.<sup>4</sup>

<sup>2</sup> Zainal Abidin, *op. cit.* hal. 437-438.

<sup>3</sup> Shiplly Joseph, *Dictionary Of Word Origins*, Ames Lowa, 1957, hal. 14.

<sup>4</sup> Wan Zahidi bin Wan Teh, *Identiti dan Kandungan Pendidikan Islam*, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Kuala Lumpur, Percetakan Sais Baru Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1986, hal. 1-2

Filosuf Yunani yang terkenal Plato (427-346 M) mengatakan bahawa pendidikan adalah bererti memberikan keindahan dan kesempurnaan yang mungkin diberikan kepada jasmani dan rohani.<sup>5</sup>

John Meltan, penyair Inggeris yang terkenal (1608-1614 M), memberikan definisi pendidikan sebagai berikut: Pendidikan yang sempurna ialah pendidikan yang dapat menjadikan manusia mampu untuk menunaikan apa-apa sahaja pekerjaan, terhadap diri sendiri atau masyarakat dengan teliti, jujur dan cekap, baik dalam damai maupun dalam perang.<sup>6</sup>

J.H. Pestalozzi (1746-1827), seorang tokoh pendidikan Swiss mengatakan bahawa pendidikan itu ialah menumbuhkan potensi anak didik dengan pertumbuhan yang sempurna dan harmonis.<sup>7</sup>

Herbert Spencer, filosuf Inggeris (1820-1903 M) mengatakan bahawa erti pendidikan ialah mempersiapkan manusia supaya dapat hidup dengan kehidupan yang sempurna.<sup>8</sup>

<sup>5</sup> Prof. Dr. Muhammad 'Atiyyah al-Abrasyi, *Ruh al-Tarbiyyah wa al-Ta'lim*, cet. X, 'Isa al-Babi al-Halabi, Mesir, tt, hal. 5.

<sup>6</sup> *Ibid.* hal. 6.

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> *Ibid.*

Sully, filosof, ahli pendidikan dan ilmu jiwa Inggeris mengatakan bahawa pendidikan adalah bererti melatih potensi-potensi yang telah dimiliki anak agar ia mampu untuk mengendalikan hidupnya dengan sopan, sihat dan bahagia.<sup>9</sup>

W.T. Harris mengatakan bahawa erti pendidikan adalah mempersiapkan seseorang agar dia dapat memberikan kebahagiaan kepada dirinya sendiri dan juga kepada orang lain.<sup>10</sup>

Hall mengatakan bahawa pendidikan yang sempurna itu ialah: pendidikan yang dapat memelihara kesihatan badan dan kekuatan jasmani bagi murid, juga pendidikan memungkinkannya mengenai kekuatan akal dan jasmaniahnya serta menambahkan kecepatan tanggapannya dan ketajaman kepintarannya, serta melatihnya supaya cepat dan teliti dalam membuat keputusan, dan membimbingnya supaya berperasaan halus, menjalankan kewajipan-kewajipannya dengan teliti dan hati-hati.<sup>11</sup>

Prof. Dr. Muhamad ‘Atiyyah al-Abrasyî dalam mengomentarikan definisi definisi pendidikan yang dikemukakan oleh para pakar tersebut sebagaimana berikut:

والحق أن كل تعريف من هذه التعريفات يحمل في ثراه مثلاً من المثل العليا التي يبغى المربيون تحقيقها والوصول إليها. وفي نظرنا إن التربية هي اعداد المرأة ليحيا حياة كاملة، ويعيش سعيداً، محباً لوطنه، قوياً في

<sup>9</sup> *Ibid.*, hal. 6.

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> *Ibid.*

جسمه، كاملاً في خلقه، منظماً في تفكيره، رقيقاً في شعوره، ماهرًا في عمله، متعاوناً مع غيره، يحسن التعبير بقلمه ولسانه، ويجد العمل بيده.<sup>12</sup>

Ertinya:

“Sebenarnya semua definisi pendidikan yang tersebut adalah tercakup di dalamnya teladan-teladan, contoh-contoh yang tinggi, yang halus bagi para pendidik menegakkannya. Pada pendapat kami bahawa pendidik itu ialah mempersiapkan seseorang (anak didik) supaya dia dapat hidup dengan sempurna, bahagia, cinta kepada tanah airnya, kuat jasmaninya, sistematik pemikirannya, halus perasaannya, cekap dalam kerjayanya, bekerjasama dengan orang lain, indah ungkapannya, dalam tulisan dan lisannya dan tangannya melakukan pekerjaannya dengan baik”.

Carter V. Good menjelaskan pendidikan bererti segala proses memajukan sikap serta nilai baik yang menjadi amalan dalam sebuah masyarakat kepada setiap individu yang hidup dalam kelompok tersebut.<sup>13</sup>

John Dewey menyatakan pendidikan adalah kaedah yang asas untuk mamajukan dan membawa pembaharuan dalam sesebuah masyarakat.<sup>14</sup>

<sup>12</sup> *Ibid.*, hal. 7.

<sup>13</sup> Carter V. Good, *Dictionary of Education*, MC. Graw, Hill Book Company, Inc, New York and London, 1945, hal. 144.

<sup>14</sup> John Dewey, *Education Today*, Edited by Joseph Ratner, Green Wood Press Publishers, New York, 1969, hal. 5.

Richard James menjelaskan “sekiranya awak berfikir setahun ke hadapan tanamlah benih, sekiranya awak berfikir sepuluh tahun ke hadapan tanamlah sebatang pokok dan sekiranya awak berfikir seratus tahun ke hadapan didiklah manusia.”<sup>15</sup>

Menurut Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah, pendidikan adalah proses yang dilalui oleh anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh si pendidik untuk membentuk keperibadian yang tertentu berdasarkan cita-cita dan falsafah hidup.<sup>16</sup>

Setelah dinyatakan erti pendidikan pada umumnya, maka sekarang penulis paparkan erti pendidikan Islam.

Menurut Drs. Syahminan Zaini, pendidikan Islam ialah usaha mengembangkan fitrah manusia dengan ajaran agama Islam, agar tercapai kehidupan manusia yang makmur dan bahagia.<sup>17</sup>

Menurut Drs. Ahmad D. Marimba bahawa pendidikan Islam itu adalah bererti “Bimbingan jasmani rohani berdasarkan hukum-hukum agama Islam menuju kepada

<sup>15</sup> Richard James, *World Religions in Education Approches to Islam*, 50, Albermate Street, London, 1982, hal. 127.

<sup>16</sup> Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah, *Islam dan Demokrasi Pendidikan*, Angkatan Belia Islam, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1989, hal. 43.

<sup>17</sup> Drs. Syahminan Zaini, *Prinsip-prinsip Dasar Konsepsi Pendidikan Islam*, Kalam Mulia, Jakarta, 1986, hal. 4.

terbentuknya keperibadian utama menurut ukuran-ukuran Islam.<sup>18</sup>

Menurut Drs. Z.A. Syis bahawa erti pendidikan Islam adalah "Pendidikan bercorak Islam atau pendidikan sebagaimana diajarkan atau dikehendaki oleh agama Islam."<sup>19</sup>

Menurut pendapat Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah, erti pendidikan Islam adalah proses yang dilalui anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh si pendidik, untuk mencapai tujuan membentuk manusia berdasarkan ajaran-ajaran Islam.<sup>20</sup>

## B. Dasar Pendidikan Islam

Dasar pendidikan Islam sudah pasti adalah Kitab Allah (al-Qur'an al-Karim) dan Hadis NabiNya (al-Sunnah al-Nabawiyyah).

Firman Allah:

يصلح لكم أعمالكم ويعذر لكم ذنبكم ومن يطع الله ورسوله فقد فاز فوزاً عظيماً (71)

الإحزان : 71

<sup>18</sup> Drs. Ahmad D. Marimba, *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*, cet. II. al-Ma'rif, Bandung, 1964, hal. 19.

<sup>19</sup> A. Maṣduqi (ed.), *Ke Arah Modernisasi Pendidikan dan Pengajaran Islam*, Panitia Refreshing Course Guru Agama, Yogyakarta, 1964, hal. 5.

<sup>20</sup> Abdul Halim bin Haji Mat Diah, *op. cit.*, hal. 44.

Ertinya:

*"Nescaya Allah memperbaiki amalan-amalanmu dan mengampuni bagimu dosa-dosamu, dan barangsiapa mentaati Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya dia telah mendapat kemenangan yang besar."*<sup>21</sup>

Sabda Rasulullah s.a.w daripada Abi Hurairah:

ترکت فیکم شیئین لَنْ تضلُّوا بعدهما كتاب الله وسننی

<sup>22</sup>رواه الحاكم

Ertinya:

"Aku tinggalkan kepadamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu Kitab Allah (al-Qur'an) dan Sunnahku."

### C. Tujuan Pendidikan Islam

Tujuan merupakan sasaran yang hendak dicapai oleh setiap aktiviti manusia. Setiap aktiviti manusia mesti mempunyai tujuan tertentu kerana aktiviti yang tidak mempunyai tujuan adalah pekerjaan sia-sia.

Tujuan pendidikan bangsa Cina dahulu adalah mempersiapkan anak didik untuk hidup bekerjasama dalam tugas-tugas besar. Bangsa Hindu mengarahkan

<sup>21</sup> Yayasan Penyelenggara Penterjemah / Pentafsir al-Qur'an, *al-Qur'an dan Terjemahannya*, Percetakan al-Qur'an Raja Fahd, Saudi Arabia, 1420 H, hal. 680.

<sup>22</sup> al-Imām Ja'faruddin Abdul Rahmān ibn Abī Bakr al-Suyūtī, *al-Jamī' al-Ṣaghīr fī Ahādīth al-Bashīr wa al-Nadīr*, Dār al-Kātib al-'Arabi, Cairo, 1967, hal. 117-118.

tujuan pendidikan pada pembiasaan (melatih) anak didik bersikap sabar dan menerima kenyataan yang ada serta mampu menahan nafsu. Bangsa Sparta lebih mengutamakan kepada pembentukan sifat-sifat keberanian dan kesabaran serta sikap menghormati para pemimpin dan patriotisme (menyintai tanah air) serta taat kepada pemerintahnya. Bangsa Athena (Yunani kuno) mengarahkan tujuan pendidikan pada pembentukan peribadi yang berkesinambungan dalam aspek-aspek jasmaniah dan kecerdasan, moral dan keindahan budi.<sup>23</sup>

Saint Thomas Aquinas (1225 - 1273 M) pernah menyatakan bahawa sesungguhnya tujuan pendidikan dan tujuan hidup itu adalah merealisasikan kebahagiaan dengan cara menanamkan keutamaan akal dan akhlak.<sup>24</sup>

Pestalozzi dan Probel setuju membatasi tujuan pendidikan diarahkan kepada pemberian masyarakat dengan cara menumbuhkan bakat individual anak.<sup>25</sup>

Hegel (1770 – 1831 M) berpendapat bahawa sebaliknya pendidikan itu berusaha untuk mendorong perkembangan jiwa kelompok dan menghindari perbuatan yang membawa kepada dorongan kebendaan (materialisme).<sup>26</sup>

<sup>23</sup> Ali al-Jumbulatī dan Abdul Fuṭūḥ al-Tuwanisi, *Dirāsah Muqāranah fi al-Tarbiyyah ʿal-Islāmiyyah*, terj. Prof. H.M. Arifin, cet. 1, PT Rineka Cipta, Jakarta, 1994, hal. 39-40.

<sup>24</sup> *Ibid.* hal. 40.

<sup>25</sup> *Ibid.*, hal. 41.

<sup>26</sup> *Ibid.*

Tujuan pendidikan yang telah dihuraikan di atas adalah berbeza-beza kerana didasarkan atas kehidupan bangsa masing-masing yang pada prinsipnya tujuan-tujuan tersebut diarahkan untuk mencapai kehidupan duniawi yang baik yang ditekankan pada kemampuan melakukan pekerjaan praktis yang bermanfaat.

Setelah penulis menyatakan tujuan pendidikan, maka di sini akan dikemukakan tujuan pendidikan Islam menurut para filosof Islam yang dahulu dan para pakar pendidikan Islam yang ada sekarang adalah sebagaimana berikut:

Imam Abu Hamid al-Ghazali menyatakan tujuan pendidikan Islam itu adalah:

... التَّقْرِبُ إِلَى اللَّهِ دُونَ الرِّيَاضَةِ وَالْمَبَاهِثِ وَالْمَنَافِعِ<sup>27</sup>

Ertinya:

"*Bertaqarrub* (mendekatkan diri) kepada Allah Ta'ala tanpa tujuan mendapatkan jawatan kepemimpinan, bermegah-megah dan berlumba-lumba."

Ibn Khaldun (1332–1406 M) mengatakan:

كانت التربية الإسلامية تستهدف غرضين:

١- الغرض الديني ويقصد به العمل للأخرة حتى يلقى العبد ربه، وقد أدى ما عليه من حقوق

<sup>27</sup> al-Abrasiy, *al-Tarbiyah al-Islamiyyah wa Falasifatuhā*, cet. II, Ḥisa al-Babī al-Halabī wa-Syurakah, Mesir, 1969, hal. 244.

<sup>28</sup>- الغرض العلمي النبوي، وهو ما تعبّر عنه التربية الحديثة بالغرض النفسي أو الاعداد للحياة.

Ertinya:

*"Adalah pendidikan Islam mengarah kepada dua tujuan iaitu:-*

1. *Tujuan keagamaan, maksudnya ialah beramal untuk akhirat, sehingga ia menemui Tuhan-Nya, dalam keadaan ia telah menunaikan hak Allah yang diwajibkan ke atasnya.*
2. *Tujuan ilmiah – keduniaan, iaitu apa yang diungkapkan dalam pendidikan moden dengan tujuan kemanfaatan, atau persiapan untuk hidup.*

Menurut Prof. Šāleh ‘Abd al-‘Azīz dan Dr. ‘Abd al-‘Azīz ‘Abd al-Majīd bahawa tujuan pendidikan Islam adalah:

<sup>29</sup>لارضاء الله ولكسب الحياة...

Ertinya:

*"Untuk mendapatkan keredhaan Allah dan mengusahakan kehidupan."*

Menurut Muṣṭafā Amin bahawa tujuan pendidikan Islam adalah:

<sup>30</sup>اعداد المرء لعملى الدنيا والآخرة ...

<sup>28</sup> *Ibid.*, hal. 284.

<sup>29</sup> Šāleh ‘Abd al-‘Azīz dan Dr. ‘Abd al-‘Azīz ‘Abd al-Majīd, *al-Tarbiyah wa Ḥuruq al-Tadrīs*, Jld. I, cet. IX, Dar al-Ma’arif, Mesir, 1968, hal. 34.

<sup>30</sup> Mustafā Amin, *Tārīkh al-Tarbiyah*, cet. II, al-Ma’arif, Mesir, 1926, hal. 167.

Ertinya:

*"Mempersiapkan seseorang bagi amalan dunia dan akhirat."*

Prof. Dr. Muhammad 'Atiyyah al-Abrasyī menyimpulkan bahawa tujuan pendidikan Islam adalah:

الفضيلة<sup>31</sup>

Ertinya:

*"Keutamaan."*

Menurut Drs. Syahminan Zaini, tujuan pendidikan Islam adalah membentuk manusia yang berjasmani kuat, sihat dan trampil, berotak cerdas dan banyak ilmu, berhati tunduk kepada Allah serta mempunyai semangat kerja yang hebat, disiplin yang tinggi dan pendirian yang teguh.<sup>32</sup>

Drs. Ahmad D. Marimba mengatakan bahawa tujuan pendidikan Islam adalah membentuk keperibadian muslim, iaitu keperibadian yang menyerahkan dirinya kepada Allah.<sup>33</sup>

Menurut Prof. Madya Dr. Abdul Halim Mat Diah, ungkapan yang paling baik dan lengkap tentang tujuan pendidikan Islam adalah membentuk keperibadian muslim. Dalam kata-kata "keperibadian muslim" akan tercakuplah keperibadian

<sup>31</sup> al-Abrasyī, *op. cit.*, hal. 23.

<sup>32</sup> Syahminan, *op. cit.*, hal. 48-49.

<sup>33</sup> Marimba, *op. cit.*, hal. 41-42.

yang utama, keperibadian yang menyerahkan dirinya kepada Allah, dengan beribadah kepadaNya dan berusaha mendapatkan kebahagiaan dunia dan akhirat.<sup>34</sup>

#### D. Isi Pendidikan Islam

Isi pendidikan Islam merupakan asas untuk mencapai tujuan pendidikan sebagaimana yang penulis telah nyatakan di atas. Dalam konteks pendidikan Islam, penjelasan tentang isi pendidikan tersebut terkandung di dalam nasihat Luqman kepada anaknya. Allah berfirman:

وَادْقَالْ لِقَنْ لَابْنِهِ وَهُوَ يَعْظِمُ بَيْنَى لَا تَشْرِكْ بِاَنَّهُ اَنَّ الشَّرِكَ لَظَلَمٌ عَظِيمٌ (13) وَوَصَّيْنَا الْاَنْسَنَ بِوَلَدِيهِ حَمْلَتْ اَمَهُ  
وَهُنَّا عَلَى وَهُنَّ وَفَصَلَهُ فِي عَامِنَ اَنْ اَشْكُرْ لِي وَلَوْلَدِيكَ اِلَى الْمَصِيرِ (14) وَانْ جَهْدَكَ عَلَى اَنْ تَقْرَبَ بِي مَا  
لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تَطْعَمُهُمَا وَصَلْجَهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفَا وَاتِّبِعْ سَبِيلَ مِنْ اَنَابَ اِلَى ثُمَّ اِلَى مَرْجِعِكُمْ فَأَنْبِئْنِكُمْ بِمَا  
كَانُتُمْ تَعْمَلُونَ (15) بَيْنَى اَنَّهَا اَنْ تَكُونَ مُنْقَالَ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ فَتَكُنْ فِي صَخْرَةٍ اَوْ فِي السَّمُوتِ اَوْ فِي الْاَرْضِ يَأْتِ  
بِهَا اَللَّهُ اَنَّ اللَّهَ لَطِيفٌ خَبِيرٌ (16) بَيْنَى اَقْمَ الصَّلَاةَ وَأَمْرَ بِالْمَعْرُوفِ وَإِنْهُ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ عَلَى مَا أَصْبَاكَ اَنْ  
ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْاَمْرِ (17) وَلَا تَصْعِرْ خَدَكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْاَرْضِ مَرْحَاهَا اَنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ  
(18) وَاقْصِدْ فِي مُشْبِكٍ وَاغْضُضْ مِنْ صَوْنَكَ اَنْكُرْ الْاَصْوَاتَ نَصْوَتُ الْحَمِيرِ (19)

Ertinya:

*"Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah kamu mempersekuatkan Allah, sesungguhnya mempersekuatkan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar". Dan Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada dua orang ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya*

<sup>34</sup>

Abdul Halim Mat Diah, *op. cit.*, hal. 58.

*dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah, dan menyapinya dalam dua tahun. Bersyukurlah kepadaKu dan kepada dua orang ibu bapamu, hanya kepadaKulah kembalimu.*

*Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekuatkan dengan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya, dan pergaulilah keduanya di dunia dengan baik, dan ikutilah jalan orang yang kembali kepadaKu, kemudian hanya kepadaKulah kembalimu, maka Kuberitakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan.*

(*Luqman berkata*): “*Hai anakku, sesungguhnya jika ada (sesuatu perbuatan) seberat biji sawi, dan berada dalam batu atau di langit atau di dalam bumi, nescaya Allah akan mendatangkannya (membalasinya). Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui*”.

*Hai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah).*

*Dan janganlah kamu memalingkan mukamu dari manusia (kerana sombang) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombang lagi membanggakan diri.*

*Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.<sup>35</sup>*

<sup>35</sup> Yayasan Penyelenggara Penterjemah / Pentafsir al-Qur'an dan Terjemahannya, *op. cit.*, hal. 654- 655.

Dalam ayat-ayat al-Qur'an di atas, didapati bahawa nasihat-nasihat Luqman kepada anaknya adalah:

1. Supaya anaknya jangan menyekutukan Allah dengan apapun, kerana syirik itu adalah suatu kezaliman yang besar. Dari sini dapatlah disimpulkan bahawa di antara isi pendidikan Islam itu adalah pendidikan tauhid atau pendidikan keimanan.
2. Supaya anaknya menghormati ibu bapa, kerana ibu bapanya amat besar jasanya terhadap dirinya, di sini dapatlah disimpulkan bahawa di antara isi pendidikan Islam adalah menanam sifat cinta dan kasih kepada ibu bapa yang merupakan salah satu dari isi pendidikan akhlak.
3. Menanam sifat percaya kepada diri sendiri. Oleh itu kepercayaan kepada Tuhan tidak boleh tergugat walaupun mendapat tentangan daripada ibu bapa sendiri. Di sini dapatlah disimpulkan bahawa di antara isi pendidikan Islam itu adalah juga pendidikan demokrasi, iaitu melatih anak supaya percaya kepada diri sendiri.
4. Menanam kepercayaan kepada hari kiamat, yang di sana segala amalan akan dihisab dan diberi ganjaran yang setimpal dengan amalannya. Di sini juga dapat disimpulkan bahawa di antara isi pendidikan Islam ialah menanam kepercayaan kepada adanya hari pembalasan.
5. Menyuruh anak supaya melakukan solat dan membuat amar ma'ruf dan nahi mungkar. Perintah supaya mengerjakan solat itu dapat disimpulkan bahawa isi pendidikan itu adalah membiasakan anak mempraktikkan keyakinannya itu dalam perbuatan. Dari perintah amar ma'ruf nahi

mungkar itu dapat disimpulkan bahawa isi pendidikan Islam itu adalah mendidik anak supaya memberikan sumbangan kepada masyarakat.

6. Anak harus dididik supaya tahan menanggung derita dalam menjalankan tugas dan kewajipannya.
7. Anak harus dididik supaya berakhlik mulia. Oleh itu anak haruslah dilatih supaya jangan bersifat angkuh dan sombong. Di sini juga didapati bahawa pendidikan akhlak adalah merupakan salah satu segi dari isi pendidikan Islam.

Selain daripada itu, pendidikan Islam juga harus mencakupi ilmu-ilmu yang bersifat keduniaan, misalnya: ilmu sains, ilmu matematik, ilmu teknik, ilmu kedoktoran dan sebagainya. Hal ini adalah berdasarkan kenyataan bahawa dengan ilmu-ilmu dunia inilah manusia akan dapat memenuhi keperluan material di dunia ini sebagaimana yang kita telah saksikan di negara yang sudah maju.

Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah membuat kesimpulan bahawa isi pendidikan Islam itu pada garis besarnya haruslah mencakupi tiga aspek iaitu:

1. Pendidikan dan pengajaran yang berbentuk keagamaan.
2. Pendidikan dan pengajaran akhlak.
3. Pendidikan dan pengajaran yang berbentuk keduniaan.<sup>36</sup>

<sup>36</sup>


---

Abdul Halim Mat Diah, *op. cit.*, hal. 65.

## E. Pusat Pendidikan Islam

Antara pusat-pusat pendidikan Islam terdiri daripada rumah, masjid, kuttab dan madrasah. Di sini penulis akan menincangkan pusat-pusat pendidikan Islam tersebut.

### a) Rumah

Pada zaman permulaan Islam, pelajaran agama disampaikan di rumah-rumah. Rasulullah s.a.w menjadikan rumah al-Arqam bin Abī al-Arqam sebagai markas dan tempat pertemuan baginda s.a.w dengan para sahabat dan para pengikutnya. Di rumah itulah baginda mengajar kepada mereka asas-asas agama yang baru itu serta membacakan ayat-ayat al-Qur'an yang diturunkan kepadanya.<sup>37</sup>

Selain rumah al-Arqam, baginda menyampaikan pelajaran agama di rumahnya sendiri di Mekah dan Madinah, sebagai tempat kaum muslimin berkumpul mempelajari akidah dan syariat Islam. Ini terjadi kerana masjid-masjid belum didirikan.<sup>38</sup>

Di antara rumah-rumah para ulama' yang menjadi tempat pembelajaran ialah rumah al-Rā'is Ibn Sīnā, rumah Abū Sulaimān al-Sijistānī (Muhammad bin Ṭahir bin

<sup>37</sup> Prof. Dr. Ahmad Shalaby, *Tarīkh al-Tarbiyah al-Islāmiyah*, Maktabah al-Nahd al-Miṣriyyah, Kaherah, Mesir, cet. VI, 1978, hal. 67.

<sup>38</sup> Shalaby, *op. cit.*, hal. 68.

Bahram), rumah Imām Ghazālī, rumah ‘Alī bin Muḥammad al-Fasiḥī, rumah Ya’qūb ibn Kilisī dan rumah Ahmad bin Muḥammad Abū Tāhir.<sup>39</sup>

b) Masjid

Sejarah pendidikan Islam amat erat pertaliannya dengan masjid. Oleh itu bila kita membicarakan masjid adalah bererti kita membicarakan suatu tempat yang dipandang sebagai tempat yang asasi untuk menyiaran ilmu pengetahuan dan kebudayaan Islam.<sup>40</sup>

Penghijrahan Rasulullah s.a.w ke Madinah pada tahun 622 Masihi, membawa perubahan dan pengertian yang besar terhadap penyebaran dan kestabilan agama Islam. Bagi tujuan tersebut masjid mula didirikan di Madinah seperti Masjid Quba' dan Masjid Nabawi. Fungsi masjid menurut istilah Islam adalah sebagai markas, bagi segala aktiviti agama dan masyarakat, khususnya dalam hal-hal yang berhubung dengan ibadat dan pendidikan. Rasulullah s.a.w menjadikan Masjid Nabawi sebagai tempat belajar mengenai urusan dunia dan agama di samping ibadat. Situasi di masjid menjadikannya lebih bebas dan sesuai sebagai tempat belajar.<sup>41</sup>

Amalan Rasulullah s.a.w ini diikuti oleh para sahabat, pengikut-pengikutnya dan kaum muslimin kemudiannya. Semakin berkembang negara Islam semakin

<sup>39</sup> *Ibid.*, hal. 68–70.

<sup>40</sup> *Ibid.*, hal. 102.

<sup>41</sup> al-Abrasiyī, *al-Tarbiyyah*, op. cit., hal. 65.

banyak pula masjid didirikan untuk memainkan peranannya yang penting dalam masyarakat. Pada masa pemerintahan ‘Umar bin al-Khattāb, negeri Parsi, Syam, Mesir dan seluruh Semenanjung Tanah Arab ditakluki. Masjid-masjid didirikan di semua kampung sebagai tempat ibadat dan pusat pendidikan Islam.<sup>42</sup>

Pada zaman Kerajaan Umayyah, para sahabat dan tabi’in telah membuka banyak pusat pendidikan Islam di masjid-masjid di seluruh negara Islam. Di antara pelajaran-pelajaran yang diajar ialah ilmu tafsir, hadis, fiqh, bahasa, kesusasteraan Arab dan lain-lain. Pengajaran disampaikan dalam bentuk syarahan. Pada zaman ini muncul beberapa aliran pengetahuan, iaitu ilmu kalam, undang-undang, tasawwuf dan falsafah.<sup>43</sup>

Masjid al-Azhar di Kaherah, Mesir merupakan pusat pendidikan Islam yang ulung yang mana perkembangan pengajiannya meningkat menjadi pengajian bertaraf universiti.<sup>44</sup>

c) Kuttāb

Munculnya pusat pendidikan kuttāb dapat disusuri sampai ke zaman Rasulullah s.a.w sendiri. Kuttāb memainkan peranan yang besar pada permulaan sejarah Islam ketika Nabi s.a.w memerintahkan para tawanan perang Badar yang

<sup>42</sup> al-Ahwani, *al-Tarbiyyah fi al-Islām*, Dār al-Ma’rif, Kaherah, Mesir, 1964, hal. 64-65.

<sup>43</sup> Hassan Langgulung, *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke-21*, Academe Art & Printing Services Sdn. Bhd., Selangor, cet. I (Malaysia), 1991, hal. 15.

<sup>44</sup> Arnold T. W., *The Preaching of Islam*, Sh. Muhammad Ashraf Kashmiri Bazar, 1968, hal. 411.

pandai menulis dan membaca supaya mengajar sepuluh orang kanak-kanak Madinah bagi setiap orang tawanannya.<sup>45</sup>

Kuttāb adalah sebuah tempat belajar yang mula-mula lahir di dunia Islam. Perkataan “kuttāb” diambil dari taktib iaitu mengajar menulis, dan mengajar menulis itulah fungsinya kuttāb.<sup>46</sup> Di dalam Kitab Lisan al-‘Arab, kuttāb adalah tempat mempelajari tulisan dan kata jamaknya ialah *katātib* dan *makātib*.<sup>47</sup>

Menurut sejarah Islam, orang pertama dari penduduk Mekah yang belajar menulis adalah Sufyān bin Umayyah bin ‘Abd al-Shamsh dan Abī Qais bin ‘Abd Manāf bin Zuhrah bin Kila'b. Mereka mempelajarinya daripada Bashar bin ‘Abd al-Malik yang mempelajarinya di negeri Hirah.<sup>48</sup>

Membaca dan menulis menjadi sangat penting peranannya ketika zaman Khalifah ‘Abd al-Malik bin Marwan membentuk pejabat-pejabat pemerintah Umawiyah. Maka sejak itu para guru pertama kali menjadikan rumah-rumah mereka tempat belajar menulis dan membaca, kemudian dibangunkan bilik atau rumah-rumah yang lebih besar dan sesuai ekoran daripada meluasnya pembelajaran membaca dan menulis.<sup>49</sup>

<sup>45</sup> al-Jumbulati dan al-Tuwaniṣī, *op. cit.*, hal. 28.

<sup>46</sup> Shalaby, *op. cit.*, hal. 48.

<sup>47</sup> Abī al-Faḍl Jamāluddīn Muḥammad bin Mukram ibn Maṇzūr al-Afriqiy al-Misri, *Lisan al-‘Arab*, Jld. V, Dār al-Ma‘rif, Mesir, 1984, hal. 3817.

<sup>48</sup> Shalaby, *op. cit.*, hal. 44.

<sup>49</sup> al-Jumbulati dan al-Tuwaniṣī, *op. cit.*, hal. 29.

Menurut pendapat Prof. Dr. Ahmad Shalaby, kuttāb yang berkembang lebih awal pada masa permulaan Islam adalah kuttāb yang khusus mengajar membaca dan menulis, sedangkan kuttāb yang mengajar al-Qur'an tumbuh pada masa selanjutnya.<sup>50</sup>

Ustaz Ahmad Amin menyatakan bahawa terdapat sesetengah kuttab dijadikan sebagai tempat pengajian asas-asas membaca, menulis dan al-Qur'an. Kuttāb yang dimiliki oleh 'Alqamah bin Abi 'Alqamah dijadikan tempat mempelajari bacaan Bahasa Arab, tatabahasa dan rima syair.<sup>51</sup>

#### d) Madrasah

Madrasah sangat diperlukan sebagai tempat murid-murid menerima ilmu pengetahuan agama secara teratur dan sistematik. Sebelum abad keempat Hijrah atau sepuluh Masihi, madrasah tersebut belum didirikan. Ia mula diperkenalkan pada akhir abad keempat Hijrah oleh penduduk-penduduk Naisabur, iaitu al-Madrasah al-Baihaqiyyah. Madrasah ini merupakan institusi pertama berbentuk persekolahan di dunia Islam. Faktor pendorong kepada terdirinya madrasah adalah kerana masjid-masjid telah dipenuhi dengan halaqah-halaqah pengajian sehingga mengganggu orang yang bersembahyang dari satu segi, dan segi lainnya ialah kerana pesatnya

<sup>50</sup> Shalaby, *op. cit.*, hal. 50.

<sup>51</sup> Ahmad Amin, *Duḥa al-Īslām*, Dār al-Kitāb al-'Arabi, Beirut Lubnan, Jld. 2, 1935, hal. 50.

perkembangan ilmu pengetahuan setelah berkembangnya kegiatan penterjemahan buku-buku berbahasa asing ke dalam bahasa Arab.<sup>52</sup>

Kemenangan kaum Saljuk dalam menakluki Iraq dan berhasilnya mereka memasuki kota Baghdad pada 25 Muharram tahun 447 H, adalah sebagai titik permulaan bagi kemenangan Ahlu al-Sunnah terhadap kaum Syiah. Mulai saat itu terhentilah kegiatan-kegiatan Bani Buwaih dalam menyiarkan pelajaran-pelajaran Syiah di kalangan rakyat. Kaum Saljuk berpendapat bahawa adalah suatu kewajipan bagi mereka untuk melancarkan suatu tindakan yang dapat melawan apa yang telah dijalankan oleh Bani Buwaih, agar dengan demikian dapat dikikis kepercayaan-kepercayaan yang menurut mereka adalah suatu kesesatan dan menyimpang dari ajaran-ajaran agama yang sebenar. Mereka berpendapat bahawa jalan yang terbaik untuk maksud itu ialah menyampaikan ilmu pengetahuan agama, kerana itu mereka mendirikan madrasah-madrasah. Orang yang amat berjasa mendirikan madrasah-madrasah itu ialah Nizam al-Mulk, seorang Perdana Menteri yang ternama kepada Sultan Alib Arslan dan Malik Syah.. Madrasah-madrasah itu dikenali dengan nama "Madrasah Nizāmiah" menurut nama pengasasnya. Madrasah-madrasah tersebut amat bermutu dan ia terdapat di setiap kota dan desa.<sup>53</sup>

Di antara orang yang mengikut usaha Nizam al-Mulk ialah Nuru'l-Din Zanki yang berkuasa di Syria dan Mesir, beliau mula-mula mendirikan sekolah di Damsyik. Masa pemerintahannya dipenuhi dengan kegiatan-kegiatan dalam segenap lapangan,

<sup>52</sup> al-Jumbulatī dan al-Tuwanisi, *op. cit.*, hal. 30.

<sup>53</sup> Shalaby, *op. cit.*, hal. 116.

antaranya ialah mendirikan madrasah-madrasah di setiap kota dan desa di bawah kekuasaannya.<sup>54</sup> Antara madrasah-madrasah yang didirikan di Damsyik ialah Dār al-Hadīth al-Nūriyah, al-Ṣafāhiyah, al-‘Imādiyah, al-Kilāsah, al-Nūriyah al-Kubrā dan al-Nūriyah al-Ṣughrā. Manakala madrasah-madrasah yang didirikan di Aleppo ialah al-Halwiyah, al-Asrūniyah, al-Nūriyah dan al-Syuabiah.<sup>55</sup>

Pada masa kerajaan Ayyubiyyah berkuasa, sistem madrasah diperkenalkan di Palestin dan Mesir. Madrasah-madrasah tersebut didirikan dengan banyaknya. Pada masa pemerintahan mereka, raja-raja, puteri-puteri, peniaga-peniaga dan seluruh lapisan rakyat sehingga para khadam turut mengambil bahagian dalam usaha mendirikan sekolah dan menyiarakan ilmu serta melindunginya.<sup>56</sup> Madrasah-madrasah yang didirikan di Mesir adalah al-Naṣīriyah, al-Qamhiyah, al-Suyūfiyah, al-Malik al-‘Adīl, al-Kamīliyah dan al-Ṣalīhiyah. Manakala di Baitul Maqdis pula didirikan Madrasah al-Ṣafāhiyah, al-Afdaliyah dan al-Nahwiyah. Di Damsyik pula terdiri Madrasah al-Ṣafāhiyah, al-‘Azīziyah, al-Zahīriyah al-Barrāniyah, al-‘Adiliyah al-Kubrā, al-Mu’azzamiyah, Dār al-Hadīth al-Ashrafiyah al-Barrāniyah dan al-‘Azīziyah.<sup>57</sup>

<sup>54</sup> *Ibid.*, hal. 117.

<sup>55</sup> *Ibid.*, hal. 119-120.

<sup>56</sup> *Ibid.*, hal. 117.

<sup>57</sup> Shalaby, *op. cit.*, hal. 121.

#### F. Sejarah dan Pusat Pendidikan Islam di Negeri Kelantan

Dalam sejarah pendidikan Islam di Malaysia, Kelantan telah muncul sebagai sebuah negeri yang pesat perkembangan pendidikan Islamnya. Perkembangan pendidikan atau pengajian Islam di Kelantan telah bermula seawal-awalnya dalam abad ke-16 lagi.<sup>58</sup> Mulai pada penghujung abad ke-19, pendidikan Islam telah tersebar dengan meluasnya dan negeri Kelantan telah terkenal dengan gelaran “Serambi Mekah”.

Pada peringkat awal perkembangannya, ia hanya berkisar di istana dan surau-surau sahaja. Ianya merangkumi untuk anak-anak raja, anak-anak pembesar dan orang ramai. Pada ketika itu, kitab-kitab masih lagi belum dicetak dan pengajarannya adalah dalam bentuk lisan. Kitab-kitab yang digunakan adalah kitab-kitab Arab yang dibawa dari Mekah atau India. Ianya dibawa oleh pedagang-pedagang atau orang Kelantan yang berkemampuan menunaikan haji di Mekah.<sup>59</sup>

Seperti yang telah dijelaskan, susur galur perkembangan atau pengajian Islam di Kelantan adalah di istana, kemudian di surau, madrasah-madrasah dan juga di masjid-masjid.

Berkenaan dengan pendidikan Islam, adalah dipercayai orang yang paling awal menyampaikannya ialah Syeikh Haji Abdul Halim. Beliau bukanlah anak jati

<sup>58</sup> Abdullah Alwi, *The Development Of Islamic Education In Kelantan, Tamadun Islam Di Malaysia*. Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hal. 190.

<sup>59</sup> Nik Mohamed, *op. cit.*, hal. 98.

Kelantan dan merupakan anak angkat kepada Sultan Long Yunus (1762-1794). Bagi mendalami ilmu agama, sultan telah menghantar Syeikh Abdul Halim ke Mekah bersama puteranya.<sup>60</sup> Adalah dipercaya Syeikh Abdul Halim merupakan orang yang mula-mula mengajar pendidikan Islam di Kelantan secara teratur. Beliau juga menggalakkan orang ramai mendirikan madrasah, surau dan wakaf bagi tujuan amal ibadat dan tempat persinggahan secara bergotong-royong. Selepas kematiannya, tugas ini telah disambung oleh anaknya, Haji Yaakob. Haji Yaakob telah dijadikan penasihat oleh Sultan Muhammad II (1839-1886).<sup>61</sup>

Apa yang jelas, Syeikh Abdul Halim dan keturunannya telah memainkan peranan yang penting dalam mempelopori pendidikan Islam di Kelantan khasnya dan di luar Kelantan amnya.

Pusat pendidikan Islam di Kelantan sebenarnya banyak, tetapi penulis akan hanya memfokuskan kepada beberapa pusat sahaja iaitu masjid dan surau, pondok dan juga sekolah-sekolah agama rakyat dan kerajaan.

#### a. Masjid dan Surau

Sesungguhnya masjid dan surau memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan agama Islam di Kelantan. Masjid dan surau pada masa dahulu dibina oleh tok-tok guru hasil daripada pungutan wang dan derma di kalangan mereka.

<sup>60</sup> Abdul Halim Ahmad, Pendidikan Islam di Kelantan, *Warisan Kelantan*, Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1982, hal. 1.

<sup>61</sup> *Ibid.*, hal. 6.

Masjid dan surau sebenarnya adalah hampir sama fungsinya, cuma yang membezakan kedua-duanya hanyalah masjid lebih besar jika dibandingkan dengan surau dari beberapa aspek seperti binaan, kawasan, fadilat dan sebagainya.

Pendidikan Islam di Kelantan bermula di istana-istana, masjid dan surau.

Tetapi tidak diketahui dengan tepat bilakah masjid dan surau ini mula muncul di Kelantan. Apa yang pasti, semasa Nabi Muhammad s.a.w berhijrah ke Madinah, perkara yang mula-mula dibuat oleh Baginda ialah membina masjid sebagai tempat pengumpulan umat Islam. Begitu juga di Nusantara, tradisi ini berterusan selari dengan kedatangan Islam. Tidak terdapat catatan sejarah mengenai kemunculan masjid-masjid di Kelantan ini. Cuma apa yang dapat dilihat di sini hanyalah berpandukan kepada pembinaan masjid-masjid yang tertua di Kelantan sahaja.<sup>62</sup>

Terdapat tiga buah masjid besar yang tua usianya di Kelantan. Masjid-masjid itu ialah Masjid Kampung Laut yang dipercayai berusia lebih daripada tiga ratus tahun dan merupakan masjid yang tertua di Malaysia. Masjid yang kedua ialah Masjid Muhammadi yang ada sekarang. Ianya dibina daripada masjid kayu lama pada tahun 1867 M, kemudian diganti dengan batu pada tahun 1925 M. Masjid yang ketiga pula ialah Masjid Langgar yang dibina di sekitar pertengahan abad ke-19 M.<sup>63</sup>

Memandangkan Masjid Kampung Laut berusia lebih daripada tiga ratus tahun, bolehlah diambil kesimpulan bahawa masjid dan surau menjadi pusat

<sup>62</sup> Nik Mohamed, *op. cit.*, hal. 98

<sup>63</sup> *Ibid.*, hal. 98-99.

pendidikan di Kelantan bermula sejak tiga ratus tahun hingga empat ratus tahun dahulu. Ini adalah kerana penubuhan masjid dan surau adalah selari dengan kedua-duanya.

:

Orang yang paling awal yang dapat dikesan berdakwah dengan cara mengajar di masjid dan surau ialah Syeikh Abdul Halim iaitu di sekitar akhir abad ke-18 M. Pengajarannya ini mendapat sambutan daripada orang-orang Kelantan dan juga dari luar Kelantan.<sup>64</sup>

Masjid dan surau pada masa ini bukan sahaja berperanan sebagai tempat untuk beribadat semata-mata tetapi juga berfungsi sebagai tempat menuntut ilmu-ilmu yang pelbagai. Di Masjid Muhammadi dan surau-surau yang lain, kita dapat lihat biasanya pada waktu pagi, petang dan malam akan diadakan sesi pengajaran kitab-kitab agama kepada orang ramai. Pada tiap-tiap waktu fardu sembahyang pula, orang ramai membanjiri masjid dan surau untuk berjamaah bersama-sama.<sup>65</sup> Ini memperlihatkan kepada kita bahawa masjid dan surau pada masa ini sangat penting kepada masyarakat sebagai tempat mendapat ilmu pengetahuan.

Antara pengajaran yang diajar di masjid-masjid dan surau-surau ini ialah sifat-sifat dua puluh (fardu 'ain) dalam bahagian akidah. Manakala sejarah Islam tidak diajar kerana tiada guru-guru yang arif dalam bidang tersebut. Fardu 'ain diajar

<sup>64</sup> Mohamad Kamil, *op. cit.*, hal. 275.

<sup>65</sup> Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, Islam dan Masyarakat Kota Bharu di Antara Tahun 1940 – 1990 Dalam *Islam di Kelantan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1983, hal. 2.

oleh tok-tok guru sehingga mereka mahir dalam mengingati serta menghafal dengan lancar sifat-sifat tersebut. Begitu juga dengan bacaan-bacaan di dalam sembahyang turut diajar. Syeikh Abdul Halim turut mengajar menulis dan membaca terutama ayat-ayat al-Qur'an.<sup>66</sup>

Menurut Abdullah al-Qari, Masjid Muhammadi adalah merupakan sebuah pusat pengetahuan agama yang terbesar di Kelantan bahkan sebuah universiti yang menjalankan tugas secara tidak langsung sejak dari ia dibina sampailah ke hari ini.<sup>67</sup>

Pusat pendidikan Islam di masjid-masjid dan surau-surau ini bertambah rancak lagi dengan hadirnya ramai ulama' yang mashyur di Kelantan pada masa ini. Para ulama' ini menjadikan masjid dan surau sebagai sasaran utama terhadap pengajaran ilmu. Antara mereka yang terkemuka ialah Haji Abdul Samad bin Muhammad Salleh (Tuan Tabal), Tok Kenali, Haji Wan Ali bin Abdul Rahman Kutan, Haji Yaacob bin Haji Abdul Halim, Haji Abdul Rahman Khatib, Haji Ismail Pontianak, Haji Ali Solahuddin Pulau Pisang dan ramai lagi yang seangkatan dengannya.<sup>68</sup>

Fungsi masjid dan surau sebagai pusat pendidikan Islam hanya dapat dilihat antara abad ke-19 sehingga menjelang Perang Dunia Kedua sahaja. Selepas itu masjid dan surau mengalami zaman kemalapan dari segi pembelajaran halaqah kitab.

<sup>66</sup> Abdul Halim Ahmad, *op. cit.*, hal. 2.

<sup>67</sup> Abdullah al-Qari, *Sejarah Hidup Tok Kenali*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1967, hal. 27.

<sup>68</sup> Abdul Razak Mahmud, *Halaqah Kitab Masjid Muhammadi dalam Pengasuh*, bil. 515, Majlis Agama Islam Kelantan, 1991, hal. 4.

Ini adalah kerana pada masa ini telah wujud Sistem Persekolahan Majlis. Sistem pengajian di Masjid Muhammadi ini khususnya telah dipindahkan ke dalam sistem persekolahan di Jamek Merbau. Dengan ini tinggallah masjid dan surau itu dengan fungsinya yang dapat kita jihat sekarang sebagai tempat beribadah dan majlis-majlis ilmu yang kecil sahaja.

#### b. Pondok

Sistem pendidikan pondok mula muncul di Kelantan pada awal abad ke-19 Masihi. Perkataan pondok berasal daripada perkataan Arab yang ertiannya rumah kecil tempat tinggal pelajar yang didiami oleh tiga hingga empat orang bagi tiap-tiap sebuah rumah.<sup>69</sup>

Pondok terawal yang didirikan di Kelantan dipercayai muncul pada abad ke-19 M iaitu pada tahun 1820 M oleh Tuan Guru Haji Abdul Samad bin Abdullah. Pondok ini didirikan di Pulai Chondong , yang letaknya di Jalan Kuala Krai, 28 kilometer dari Kota Bharu. Beliau juga lebih dikenali dengan nama Tok Pulai Chondong (1792-1874). Beliau mendapat pendidikan awal di Pattani, kemudian meneruskan pengajiannya di Mekah. Tuan Guru Haji Abdul Samad telah menjadi perintis dalam memperkenalkan sistem pondok di Kelantan.<sup>70</sup>

<sup>69</sup> Abdul Halim Ahmad, *op. cit.*, hal. 1.

<sup>70</sup> *Ibid.*, hal. 8-9.

Di antara pondok-pondok yang telah didirikan di Kelantan sebelum 1910 M ialah Pondok Tok Pulai Chondong 1820, Pondok Tok Bachok pada tahun 1900, Pondok Haji Abdul Malik, Tumpat pada 1907, Pondok Haji Yusuf, Pulau Ubi, Geting Tumpat pada 1908, Pondok Kubang Pasu Kota Bharu pada 1900, Pondok Sungai Budor, Pondok Kampung Banggol, Pondok Tuan Padang dan Pondok Tok Semian yang diasaskan oleh Haji Wan Abdul Samad bin Mohd Salleh atau lebih dikenali dengan gelaran Tuan Tabal.<sup>71</sup>

Sistem pendidikan Islam tradisional atau pondok telah menuju ke zaman gemilangnya pada awal abad ke-20. Pada zaman inilah pondok-pondok terdiri dengan banyaknya dan tersebar dengan luasnya di Kelantan. Pada ketika itu, sistem pendidikan pondok telah mencapai kemajuan yang gilang gemilang, bahkan ada sesetengahnya yang purata penuntutnya mencapai angka lebih dari seribu orang.<sup>72</sup>

Menurut William R. Roff, pendidikan pondok semakin berkembang hasil peranan yang dimainkan oleh murid-murid Tuan Tabal.<sup>73</sup> Tuan Tabal mengajar ilmu agama dalam bidang fiqh, tauhid, usuluddin dan tasawuf. Beliau adalah pengikut tasyaaf aliran Wahdah al-Wujud dan menjadi pengasas kepada ajaran Tariqat Ahmadiah di Jajahan Kota Bharu.<sup>74</sup>

<sup>71</sup> Nik Mohamed, *op. cit.*, hal. 98.

<sup>72</sup> *Ibid.*, hal. 104.

<sup>73</sup> William R. Roff, *Kelantan: Religion, Society And Politics In A Malay State*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974, hal. 155.

<sup>74</sup> Nik Abdul Aziz, *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1977, hal. 44.

Sekitar tahun 1900, pendidikan pondok telah mendapat persaingan dari sekolah berbentuk sekular yang ditaja oleh British. Sekolah sekular ini telah dibina di Kota Bharu pada tahun 1904. British telah menggunakan berbagai cara untuk menarik minat rakyat ketika itu kepada sekolah sekular. Antaranya dengan mengatakan sekolah berbentuk pondok itu adalah primitif kerana mata pelajarannya tidak sama dengan sekolah Inggeris. Manakala sistem pengajiannya hanya mengajar sedikit sahaja cara menulis dan membaca.<sup>75</sup> Walau bagaimanapun, usaha-usaha British ini tidak begitu berjaya. Rakyat ketika itu lebih berminat kepada pengajian agama yang bersistemkan kepada sekolah berbentuk pondok.

Antara pondok yang telah mendapat sambutan dan mempunyai murid yang ramai selepas tahun 1930 ialah Pondok Terusan Pasir Tumboh yang ditubuhkan pada tahun 1971 kira-kira 10 kilometer dari Kota Bharu,<sup>76</sup> Pondok Bunut Payung, Pondok But, Pondok Lubuk Tapah, Pondok Sungai Durian, Pondok Kubang Bemban dan Pondok Pak Su Wel (Kampung Dangar).

Walaupun pada tahun 1950–1970-an, sistem pondok masih mendapat sambutan dari orang ramai, tetapi pada hakikatnya selepas tahun 1945, ia merupakan zaman kemalapan dalam sistem pengajian pondok. Dapatlah dirumuskan, selepas kedatangan Jepun, pengaruh pondok telah mengalami kemerosotan sedikit demi sedikit. Keadaan ini semakin berterusan selepas negara mencapai kemerdekaan.

<sup>75</sup> Wan Burhadin Wan Omar, Yayasan Pengajian Tinggi Islam (sehingga 1974), *Islam Di Kelantan*, Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia, 1983, hal 93.

<sup>76</sup> Mohamad Yusuf, Sistem Pondok Masih Berkembang Di Kelantan: Pelajar Bercita-cita Untuk Jadi Orang Alim, *Utusan Melayu*, 28 Februari 1971.

Terdapat juga pondok-pondok yang telah ditutup dan ada juga yang telah menukar sistem pengajiannya kepada sistem sekolah. Contohnya pada tahun 1958, Pondok Bunut Payung, Kota Bharu telah diubahsuai menjadi Madrasah Islamiah dan Pondok Haji Mohd Noor di Kampung But menjadi Madrasah Sa'adah al-Qurā pada tahun 1970.<sup>77</sup>

Antara sebab utama yang membawa kemunduran institusi pondok ialah telah timbul perubahan-perubahan di dalam perkembangan pendidikan Islam di Kelantan. Ini kerana pada masa itu telah muncul Sekolah-sekolah Agama Majlis dan Rakyat yang menggunakan Bahasa Arab sebagai sebagai bahasa pengantar serta sekolah-sekolah Melayu kerajaan negeri yang lebih teratur dan selesa daripada pondok.

#### c. Sekolah Agama Rakyat dan Kerajaan

Sekolah agama rakyat dan kerajaan adalah merupakan salah satu daripada pusat pendidikan Islam yang penting di Kelantan. Tujuan penubuhan sekolah-sekolah agama ini adalah untuk mendidik dan melahirkan kadi, imam dan pegawai-pegawai yang berpelajaran di samping untuk menyebarkan agama Islam itu sendiri.<sup>78</sup>

Setakat yang diketahui pendidikan Islam secara persekolahan di Kelantan bermula pada tahun 1904 M apabila sekolah-sekolah agama telah didirikan di Kota Bharu. Tetapi ada pula yang mengatakan sekolah agama yang pertama di negri

<sup>77</sup> Nik Mohamed, *op. cit.*, hal. 109.

<sup>78</sup> Rahim bin Abdullah, Pelajaran Pondok Di Negeri Kelantan dalam *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1983, hal. 3-4.

Kelantan telah dibina pada tahun 1910 M, iaitu sekolah Madrasah Khairiyah di Lorong Tok Semian, Kota Bharu.<sup>79</sup> Mata pelajaran yang diajar pada masa itu ialah mengaji al-Qur'an dan Bahasa Arab.

Selepas penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan atau MAIK pada tahun 1915, beberapa langkah telah diambil bagi memajukan sistem pendidikan di Kelantan. Antaranya dengan membuka sekolah, sekolah pertama yang dibina oleh Majlis ialah pada 5 Ogos 1917 dengan nama Madrasah Muhammadiyah al-Kelantaniah. Ia terbahagi kepada tiga bahagian, salah satu darinya adalah sekolah agama yang terletak di Masjid Kayu di Kota Bharu. Pelajar-pelajar terdiri dari anak-anak Kelantan, pelajar dari luar Kelantan termasuklah yang di seberang laut.<sup>80</sup>

Mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah agama ini bukan sahaja mata pelajaran agama seperti Tauhid, Fiqh, Sifat-sifat 20, Hukum sembahyang, Sejarah Islam dan Tajwid tetapi juga mata pelajaran sekular seperti Surat-menyrurat, Rencana, Ilmu Hisab, Ilmu Alam dan juga Bahasa Inggeris.<sup>81</sup>

Pada tahun 1918, Majlis telah mempergiatkan lagi usaha untuk meninggikan persekolahan agama di Kelantan dengan mendirikan beberapa buah sekolah lagi. Antaranya ialah di Pasir Mas dan Pasir Puteh pada 1918, manakala pada 1 Ogos 1919 di Kampung Kutan. Pelajaran yang diajar adalah sama dengan sekolah lain,

<sup>79</sup> Sa'ad Shukri, *op. cit.*, hal. 129

<sup>80</sup> Abdullah Alwi, *op. cit.*, hal. 196.

<sup>81</sup> Nik Abdul Aziz, *op. cit.*, hal. 105-106.

cuma perbezaannya ialah pada sebelah petang diajar Bahasa Arab, Fiqh dan beberapa mata pelajaran agama. Pada tahun 1924, sekolah-sekolah di Pasir Mas, Pasir Puteh dan Kutan telah ditutup akibat masalah kewangan Majlis.<sup>82</sup>

:

Majlis terpaksa menunggu sehingga tahun 1937 untuk membuka sebuah sekolah Arab di Kelantan akibat masalah kewangan. Pada 1 April 1937, sekolah Arab yang pertama telah dibuka iaitu Madrasah Muhammadiyah Arabiah. Pada awal pengajiannya terdapat seramai 75 orang pelajar dengan tiga orang guru iaitu Sayyid Abu Bakar Abdullah al-Attas yang bertindak sebagai pengetua, Haji Wan Daud dan Haji Wan Yusuf Haji Wan Hassan sebagai penolongnya.<sup>83</sup>

Terdapat juga sekolah-sekolah agama yang didirikan oleh orang perseorangan atau individu tertentu. Kewangan bagi membiayai sekolah ini datangnya daripada wang khairat, derma orang ramai dan melalui yuran sekolah. Ia dinamakan Sekolah Agama Rakyat. Sebilangan besar sekolah-sekolah rakyat ini telah didaftarkan di bawah Majlis.

Pada tahun 1952 M, terdapat 10 buah sekolah agama kerajaan yang dibiayai oleh MAIK. Antaranya ialah Madrasah 'Ariah Merbau Kota Bharu, Madrasah 'Ariah Pasir Mas, Madrasah Falahiah Pasir Pekan, Madrasah Amir Indera Putera Beris dan Madrasah Isma'iliyah Semerak. Sekolah-sekolah agama rakyat dan kerajaan semakin

<sup>82</sup> Abdul Razak Mahmud, Tujuh Puluh Lima Tahun Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, *Warisan Kelantan XI*, Kuala Lumpur, Perbadanan Muzium Kelantan, 1992, hal. 12.

<sup>83</sup> Badan Persuratan dan Penerbitan Maahad Muhammadi, *Majalah al-Nur*, Bil. 13, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Mac 1979, hal. 2.

bertambah pesat selepas tamat Perang Dunia Kedua. Sekolah agama rakyat ini ada yang mendapat bantuan daripada kerajaan. Campurtangan daripada kerajaan ini, memberi kesan yang baik kepada pelajar-pelajar sekolah itu dan dengan ini juga telah menjadikan susunan pelajaran semakin kemas dan teratur.<sup>84</sup>

Dalam tempoh dua dekad (1940–1960), persekolahan Majlis ini berada di peringkat kemuncak, makmur dan gemilang. Ramai pelajar yang menyertai persekolahan ini sama ada lepasan pondok atau separa pondok. Selain daripada itu, kesan daripada Perang Dunia Kedua juga telah menjadikan sekolah ini sebagai “wadah” tempat untuk menampung bahang semangat nasionalisme.<sup>85</sup>

Pada tahun 1970-an, perkembangan sekolah-sekolah agama di Kelantan menghadapi pelbagai masalah. Sekolah-sekolah agama yang ditadbir oleh Majlis tidaklah memberi masalah yang besar dari segi pengurusannya, tetapi yang menimbulkan masalah ialah Sekolah-sekolah Agama Rakyat. Antara masalahnya ialah ketidakselarasan dari segi pentadbiran seperti masalah kewangan, sukanan pelajaran, peralatan belajar dan kekurangan guru. Keadaan ini telah membawa kepada kemunduran sekolah-sekolah itu. Terdapat juga beberapa buah sekolah yang terpaksa ditutup. Contohnya, pada tahun 1972, terdapat 189 buah sekolah yang didaftar di bawah Majlis tetapi menjelang tahun 1973, hanya 87 buah sekolah sahaja

---

<sup>84</sup> Nik Mohamed, *op. cit.*, hal 111.

<sup>85</sup> Abdul Razak, *op. cit.*, hal. 10.

yang terus berfungsi.<sup>86</sup>

Disebabkan faktor-faktor kemerosotan inilah, Kerajaan Negeri Kelantan telah mengambil inisiatif untuk mengambil alih semua sekolah agama di bawah Majlis Agama Islam dan Sekolah Agama Rakyat. Bagi mencapai hasrat ini, kerajaan negeri telah memberi kuasa kepada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri bagi menyediakan kertas kerja bagi menubuhkan satu jabatan baru untuk sekolah-sekolah agama. Jabatan ini telah dikenali sebagai "Jabatan Sekolah-sekolah Agama" atau JASA. Ianya telah dilancarkan pada 1 Julai 1974, oleh Datuk Haji Ishak Lutfi di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan Nilam Puri (YPTIK). JASA akan mengambil alih semua sekolah agama di Kelantan.<sup>87</sup> Jabatan ini telah diletakkan di bawah Majlis Tertinggi Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) dengan Enakmen Nombor 9 Seksyen 4 / A / 1968 dan dibuat Enakmen pindaan 3 / 1977.<sup>88</sup>

Sekolah-sekolah agama kini diletakkan di bawah Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang pada mulanya ia dikenali dengan nama Jabatan Sekolah-sekolah Agama Kelantan (JASA). Kemudian pada 1 Jun 1979 namanya ditukar menjadi Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK) dan seterusnya diubah lagi menjadi Yayasan Islam Kelantan (YIK) pada 1 Mac 1983. Sekarang terdapat sebanyak 88

<sup>86</sup> Muhammad Nawi Hasyim, *Sinar Kelantan*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Jun 1984, hal. 8.

<sup>87</sup> Abdullah Alwi, *op. cit.*, hal. 217.

<sup>88</sup> Yayasan Pengajian Islam Negeri Kelantan ( YPINK ), Bil. ( 5 ) dlm. JASA T / 143, *Strategi Pelajaran Agama YPINK*, 18 Oktober 1979, hal. 1.

buah sekolah agama di Kelantan, iaitu 17 buah sekolah menengah ugama (Arab) kerajaan dan 71 buah sekolah menengah ugama (Arab) bantuan kerajaan.<sup>89</sup>

Senarai sekolah menengah ugama (Arab) kerajaan adalah seperti berikut: SMU(A) Maahad Muhammadi (L), SMU(A) Maahad Muhammadi (P), SMU(A) Amir Indera Putera, SMU (A) Arabiah Pasir Mas, SMU(A) Saniah, SMU(A) Shamsul Maarif (P), SMU(A) Tanah Merah, SMU(A) Maktab Pengajian Islam, SMU(A) Banggol Kulim, SMU(A) Yaakubiah, SMU(A) Tumpat, SMU(A) al-Sabirin, SMU(A) Maahad Muhammadi Pasir Pekan, SMU(A) Gua Musang, SMU(A) Rahmaniah, SMU(A) Raudzah al-Nazirin dan SMU(A) Syamsul Maarif (L).<sup>90</sup>

Manakala sekolah-sekolah menengah ugama (Arab) bantuan kerajaan diantaranya ialah: SMU(A) al-Hidayah Islamiah, SMU(A) Darul Aman, SMU(A) Muhammadiyah, SMU(A) al-Yunusiah, SMU(A) Darul Anuar, SMU(A) Badang, SMU(A) Tarbiah Mardziah, SMU(A) Ahmadiah, SMU(A) Syukuriah, SMU(A) Diniyah, SMU(A) al-Balaghul Mubin, SMU(A) al-Falah, SMU(A) al-Ulum, SMU(A) Khairiah, SMU(A) Rahmaniah, SMU(A) Tarbiah Diniyah, SMU(A) al-Ittifakiah, SMU(A) Fauziah, SMU(A) al-Fitrah, SMU(A) Meheliah, SMU(A) Rahimiah, dan SMU(A) al-Ansoriah.<sup>91</sup>

<sup>89</sup> Unit Bahasa Arab Nilam Puri, *Buku Laporan Yayasan Islam Kelantan*, Kota Bharu, 1998, hal. 7.

<sup>90</sup> Interviu dengan Ustaz Muhammad bin Ya, Penolong Pengarah Yayasan Islam Kelantan, di pejabatnya di Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, pada 8 Julai 1999.

<sup>91</sup> Interviu dengan Ustaz Muhammad bin Ya, pada 8 Julai 1999.

Sebagai kesimpulannya, asas kepada kelahiran sekolah-sekolah agama di Kelantan, kemudian penubuhan Jabatan Sekolah-sekolah Agama (JASA), penubuhan Yayasan Pelajaran Islam Negeri Kelantan (YPINK) sehinggahal membawa kepada penubuhan Yayasan Islam Kelantan (YIK) pada tahun 1983, adalah berkait rapat dengan perkembangan pendidikan Islam pada awal 1900 yang bermula dengan pengajian di masjid, surau kemudian pondok. Kelahiran sekolah agama dan Arab telah menyebabkan pengaruh pondok semakin berkurangan. Ini mungkin berpunca dari sistem persekolahan itu yang mempunyai persamaan dengan pengajian di pondok. Tambahan pula sekolah ini mempunyai sistem yang lebih baik dan teratur.